

30 SEP 1996

Lim-Gerakan

JOSEPH CHONG TIDAK LAYAK UNTUK BERTANDING, KATA KENG YAIK

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini menjelaskan yang Anggota Parlimen Kawasan Batu, Datuk Joseph Chong tidak dibenarkan bertanding dalam pemilihan parti pada Sabtu ini kerana beliau tidak layak untuk berbuat demikian.

"Bukan haknya untuk bertanding dibatalkan (seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar semalam) ..., beliau sebenarnya tidak layak (untuk bertanding). Tidak boleh bertanding dan tidak layak untuk bertanding mempunyai dua maksud berbeza," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Pacific Bank, cawangan Cheras di Menara Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM), di sini.

Beliau mahu Chong bertanding dengan adil dan mengikut cara yang betul dalam apa sahaja jawatan dan perlu menghormati perlembagaan parti.

"Kita tidak boleh membenarkan beliau (Chong) bertanding sedangkan diketahui yang beliau bukan calon yang layak ... kita tidak boleh melakukan sesuatu yang tidak mengikut peraturan hanya kerana kepentingan anggota-anggota tertentu," kata beliau.

Kebanyakan akhbar semalam melaporkan yang Chong tidak dibenarkan bertanding walaupun mendapat perintah mahkamah.

Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan parti Tan Sri Chan Choong Tak telah berkata yang Chong tidak boleh bertanding dalam pemilihan parti itu atas alasan yang beliau bukan wakil yang dilantik ke persidangan kebangsaan pada 5 Oktober ini.

Ditanya mengenai perintah mahkamah yang diperolehi Chong untuk bertanding dalam pemilihan itu, Dr Lim berkata "kita tidak dikemukakan dengan perintah itu ... kita hanya mempunyai perintah yang dideraf yang tidak mempunyai cop, mohor mahkamah dan dengan tandatangan yang tidak diketahui. Bagaimana kita boleh mempercayainya.

"Bagaimana Chong boleh memulakan prosiding penghinaan terhadap saya dan parti," kata beliau.

Beliau percaya perintah mahkamah itu tidak dikemukakan dengan sempurna dan parti itu masih menunggu perintah mahkamah "yang sebenarnya".

Dr Lim juga menasihatkan Chong supaya tidak terlalu agresif kerana beliau mungkin kesal satu hari nanti.

"Sebagai seorang ahli politik, ada baiknya bertindak agresif, tetapi bukan terhadap rakan seperjuangan tetapi pembangkang seperti DAP," kata beliau.

Semasa menjawab soalan pemberita, Dr Lim berkata, jika Chong menghantar perintah mahkamah "yang sebenarnya", peguam-peguam parti itu akan diminta mengetepikan perintah itu.

Mengenai nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed kepada parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya elakan daripada membawa pertikaian politik ke mahkamah dan sebaliknya cuba selesaikan masalah secara dalaman, Dr Lim berkata, beliau bersetuju dengan Dr Mahathir.

"Kita mesti bersatu dan bertolak ansur. jangan terburu-buru dan jangan mengambil tindakan yang akan dikesali nanti," kata beliau.

--BERNAMA

NZ PR